

Hubungan ekonomi Malaysia-India ditingkat

UM 19 OCT 2002

NEW DELHI 18 Okt. — Hubungan dua hala Malaysia-India semakin dipertingkatkan dan langkah terbaru ialah usaha menggiatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan.

Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya, Atal Bihari Vajpayee di sini semalam, antara lain meneliti langkah meningkatkan penyertaan para kontraktor Malaysia dan India dalam pembangunan infrastruktur di kedua-dua negara.

Dr. Mahathir berkata, kedua-dua pihak juga akan meneliti pemberian lebih banyak hak mendarat, yang akhirnya akan memberi kemudahan kepada para usahawan kedua-dua negara berurusan.

“Bagi membolehkan mereka berinteraksi, hak penerbangan perlu dipertingkatkan seperti di Hyderabad dan New Delhi,” katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan kerja tiga harinya ke India di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pada

pertemuan semalam beliau turut membangkitkan soal duti import minyak sawit Malaysia ke India, yang ketika ini lebih tinggi kadarnya daripada duti import minyak soya dari Amerika Syarikat.

Dalam soal hubungan ASEAN-India pula, Dr. Mahathir percaya mesyuarat ASEAN-India di Phnom Penh, Kemboja bulan depan akan membolehkan kedua-dua pihak berinteraksi lebih baik demi kepentingan bersama.

“Sudah pasti fokusnya akan berkisar kepada soal ekonomi te-

tapi bidang-bidang lain juga akan disentuh. Misalnya isu Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO),” katanya.

Dr. Mahathir yakin minat yang mendalam oleh India untuk menjadi rakan dialog ASEAN akhirnya akan membawa kebaikan bersama khususnya di rantau ini.

Semasa di India, Dr. Mahathir turut meninjau industri teknologi maklumat di Hyderabad, yang merupakan nadi pembangunan teknologi India. — *Utusan*